

**TEKS UCAPAN  
DATO' ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM  
KEUSAHAWANAN WANITA 2018  
ANJURAN JPAN PAHANG ZON 2**

**1 OGOS 2018 (RABU)**  
**HOTEL SERI MALAYSIA, TEMERLOH**

---

Bismilahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera

Terima Kasih Pengacara Majlis

**(SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA)**

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati Sekelian.

---

1. Marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan

keizinan-Nya, dapat kita  
berkumpul bersama-sama dalam  
**Majlis Perasmian Program**  
**Keusahawanan Wanita 2018**  
**Anjuran JPAN Pahang Zon 2.**

2. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Penganjur – Pengerusi, Ahli-ahli jawatankuasa dan Pegawai Negeri JPAN Pahang Zon 2 yang mengambil inisiatif mengadakan

program keusahawan untuk koperator wanita negeri Pahang.

3. Usaha untuk mempertingkatkan kemahiran dan keilmuan golongan wanita dalam bidang perniagaan dan

keusahawanan sepatutnya diadakan secara berterusan dari masa ke semasa. Ini penting, di zaman sains dan teknologi ini, kita harus peka dengan perubahan semasa bagi memastikan kita mampu bersaing di arena



perniagaan yang sentiasa terbuka dan luas.

## **Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

4. Kita sedia maklum, bidang keusahawanan menjadi satu

bidang penting difokuskan negara dan gerakan koperasi. Bidang ini menjadi pemangkin kepada ekonomi negara, pendapatan koperasi dan pendapatan individu, mengatasi kemiskinan, mewujudkan

peluang-peluang pekerjaan baru serta meningkatkan kualitas kehidupan.

5. Wanita antara golongan yang semakin ramai menceburi bidang perniagaan. Mengikut

Jabatan Perangkaan Malaysia, 49 peratus populasi Malaysia adalah wanita dan 48 peratus merupakan tenaga kerja. Menurut Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 1.18 juta usahawan wanita berdaftar

dengannya sehingga Mac 2017. Walaupun tiada data khusus mengenai usahawan wanita koperasi tetapi saya percaya, sebahagian itu termasuk wanita koperasi.

6. Di negara kita, 40 peratus daripada 6.5 juta ahli koperasi adalah wanita. Mereka pengguna dan tenaga kerja utama sektor koperasi. Wanita komuniti penting yang turut memainkan peranan penting

dalam memajukan gerakan koperasi di negara ini, yang sentiasa diberi keutamaan ANGKASA dalam agenda pembangunannya menerusi program latihan dan pendidikan yang dijalankan. Ini bagi

memperkasakan kelompok ini supaya terus memberi sumbangan yang signifikan kepada gerakan koperasi.

7. Mengambil tanggungjawab ini, ANGKASA melalui Unit Wanita



sepanjang 2017 memberi  
tumpuan memperkasakan  
perniagaan koperasi wanita dan  
koperator wanita melalui  
pendedahan kepada peluang-  
peluang perniagaan,  
pembangunan diri, keluarga dan

masyarakat bagi meningkatkan pendapatan koperasi dan koperator wanita yang seterusnya akan turut menyumbang kepada pendapatan keluarga dan negara. Program pemerksaan wanita ini juga bertujuan untuk

membantu meningkatkan produktiviti koperasi serta melahirkan lebih ramai koperator yang berkaliber untuk menjadi usahawan dan pemimpin koperasi.

## Hadirin Yang Dihormati Sekalian

8. Bagi menggalakkan koperasi atau koperator wanita menubuhkan taska, ANGKASA memberi kursus asuhan PERMATA, Bengkel Asas Penubuhan Taska

dan Bengkel Kemahiran Pengasuhan (*Story Telling*). Sepanjang tahun 2017, 12 program telah dijalankan yang telah berjaya melatih 309 koperator dan melibatkan 140 buah koperasi.

9. ANGKASA juga telah memperkenalkan program baru iaitu Bengkel Pemurnian Koperasi Wanita dan Keluarga - bertujuan untuk membantu koperasi wanita kembali aktif menceburi aktiviti keusahawanan untuk

meningkatkan produktiviti koperasi. Bengkel ini telah dilaksanakan di Melaka mewakili Zon Selatan dan Pulau Pinang mewakili Zon Utara. Hasil daripada bengkel ini didapati bahawa koperasi masih mencari

peluang bersesuaian untuk aktiviti koperasi dan hasil pembincangan sedikit sebanyak memberi idea kepada mereka untuk memulakan perniagaan koperasi.



10. Melalui pelbagai program ANGKASA telah berjaya melatih 18,561 koperator wanita sejak dari 2014 sehingga sekarang. Saya menyeru lebih 249 koperasi wanita dan lebih 30,000 koperator wanita di Malaysia menyertai

kursus-kursus yang dianjurkan  
ANGKASA.

11. Dalam meningkatkan  
kemahiran keusahawanan dan  
peluang-peluang baru  
perniagaan, koperasi dan

koperator wanita juga mestilah aktif dalam mencari info dan menambah ilmu pengetahuan. Selain mendapat latihan keusahawanan daripada ANGKASA, banyak program-program baru yang disediakan

Kerajaan untuk membantu usahawan. Misalnya melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan Kesejahteraan Keluarga (KPWKM) menawarkan program Inkubator Keusahawanan Wanita, Inkubator

Kemahiran Ibu Tunggal, 1Azam dan Mamacare.

12. Usahawan mikro wanita sekarang ini menyumbang 25 peratus kepada KDNK. Ini menunjukkan mereka

mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara.

13. Selain berterusan memperkasa program-program keusahawanan, ANGKASA akan

bekerjasama dengan agensi-  
agensis yang berkaitan bagi  
membolehkan koperator-  
koperator wanita mendapat  
peluang-peluang baru  
keusahawanan.

14. Dengan lafaz  
bismillahirrahmannirahim saya  
**Merasmikan Program**  
**Keusahawanan Wanita 2018**  
**Anjuran JPAN Pahang Zon 2.**

Sekian, terima kasih.



Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.